

**Muhyiddin Mengadakan Perjumpaan Dengan Imam Dan Nazir Daerah Tampin
Bernama
17 Julai, 2012**

TAMPIN, 17 Julai (Bernama) -- Timbalan Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin mengadakan perjumpaan dengan kira-kira 200 imam dan nazir daerah Tampin di surau Taman Indah Baru di sini petang ini dalam rangka lawatan rasminya ke daerah Tampin.

Sebelum itu, Muhyiddin yang tiba di surau berkenaan pada kira-kira pukul 4.30 petang menunaikan solat jamak.

Beliau kemudian meluangkan masa kira-kira 25 minit dan bersalaman dengan para imam dan nazir pada jamuan petang di perkarangan surau tersebut.

Sebelum itu beliau dan isteri Puan Sri Noorainee Abdul Rahman menghadiri Majlis Pemimpin Bersama Rakyat di padang Sekolah Menengah Kebangsaan Taman Indah.

Terdahulu pada sebelah pagi, beliau dan isteri menghadiri majlis perasmian bangunan baru SJK Cina Kampung Baru Tampin.

Muhyiddin dan isteri berlepas pulang ke ibu negara kira-kira pukul 5 petang.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=681330>

